



GAMBAR kenangan sebelum menenggelamkan dua gerabak tren Aliran Transit Ringan (LRT) di kawasan Monkey Bay, Pulau Tioman.

HM 2/8/2024 Pg 23

Bername **TAPAK SELAM AL-SULTAN ABDULLAH**

**Tioman**

# Gerabak LRT tukun rekreasi

Pulau Tioman adalah antara destinasi selam skuba terbaik di negara ini yang menawarkan keindahan dasar laut tersendiri, antaranya laman selam Terumbu Harimau, Soyak, Tumok serta bangkai kapal KM Sipadan & Sawadee.

Kira-kira setahun dari sekarang, penggiat selam skuba akan berpeluang menyusuri laman selam baharu, dikenali Tapak Selam Al-Sultan Abdullah, susulan penenggelaman dua gerabak tren Aliran Transit Ringan (LRT) yang dilakukan di kawasan Monkey Bay pada 9 dan 10 Julai lalu.

Dua gerabak LRT yang dilabuhkan di dasar laut untuk dijadikan tukun tapak terumbu karang adalah yang pertama di negara ini, sekali gus mendapat pengiktirafan *Malaysia Book of Records* (MBOR).

Usaha itu yang dijalankan menerusi projek *MBOR: First LRT Coach Reef In Malaysia* anjuran Yayasan Al Sultan Abdullah (YASA), turut menerima perkenan Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, yang berkenan berangkat menyempurnakan pelancaran program di Berjaya Tioman Resort pada 13 Julai lalu.

Menurut Pengarah Program *MBOR: First LRT Coach Reef In Malaysia*, Mohd Fakhru Islam Juhal, pemilihan Pulau Tioman sebagai lokasi projek itu dibuat berdasarkan kekayaan persekitaran marinnya serta kedudukan pulau itu sendiri selaku destinasi pelancongan utama di Pahang.

"Pulau Tioman merupakan pulau terbesar dalam kumpulan sembilan pulau



DUA gerabak LRT yang dilabuhkan di dasar laut untuk dijadikan tukun tapak terumbu karang.

yang membentuk Taman Laut Pulau Tioman. Antara aktiviti yang popular di pulau ini ialah snorkeling dan selam skuba oleh kerana terumbu karangnya, selain daripada laluan pendakian yang membawa pelawat ke air terjun yang cukup menakutkan," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran program.

Sehubungan itu, beliau berharap pewujudan tapak selam baharu itu akan dapat menarik lebih ramai pelancong, sekali gus menggalakkan pertumbuhan ekonomi tempatan.

**"Misi ini bukanlah semata-mata untuk mengukir nama dalam rekod negara, tetapi diharap menjadi satu tarikan tersendiri, terutama kepada penggemar aktiviti selam skuba, sekali gus merencanakan sektor pelancongan negara,"**

*Mohd Fakhru Islam Juhal*

"Misi ini bukanlah semata-mata untuk mengukir nama dalam rekod negara, tetapi diharap menjadi satu tarikan tersendiri, terutama kepada penggemar aktiviti selam skuba, sekali gus merencanakan sektor pelancongan negara," katanya.

Sementara itu, Penasihat Teknikal Program, Norqram Mod Nor berkata, projek hanya dilaksanakan selepas mendapat pengesahan daripada pihak berwajib, termasuk Jabatan Perikanan Malaysia dan Institut Sumber Marin

Asia Tenggara.

Kerja-kerja melabuhkan gerabak dipantau dan diurus dengan teliti bagi memastikan semua garis panduan berkaitan keselamatan alam sekitar dipatuhi, selain komponen diturunkan itu dijamin selamat bagi hidupan marin.

"Tugasan ini bukanlah sesuatu yang mudah, bahkan memerlukan kos yang tinggi. Jadi, kami berharap semua pelancong dan penyelam sama-sama bertanggungjawab menjaganya dan tidak melakukan sebarang vandalisme.

"Sebagai sebuah tukun rekreasi, ia mestilah kelihatan cantik. Justeru, kami memilih untuk mengekalkan nilai estetik (gerabak) sebaik mungkin, seperti tempat duduk, tiang dan besi pemegang serta telefon kecemasan," katanya yang merupakan seorang daripada penyelam terlibat dalam projek itu.